

Bil. S 12

**AKTA PENDAFTARAN JURURAWAT
(PENGAL 140)**

PERATURAN-PERATURAN PENDAFTARAN JURURAWAT, 2014

SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

Peraturan

1. Gelaran dan permulaan kuat kuasa.
2. Tafsiran.
3. Kelayakan pendaftaran.
4. Permohonan pendaftaran.
5. Keengganan untuk mendaftarkan.
6. Pengeluaran Sijil Pendaftaran.
7. Catatan kelulusan tinggi.
8. Sijil menjalankan amalan.
9. Permit sementara untuk menjalankan amalan.
10. Perubahan dalam Daftar.
11. Pengeluaran nama dari Daftar.
12. Penggantungan pendaftaran.
13. Memasukkan semula nama ke dalam Daftar.
14. Peperiksaan.
15. Penggantian sijil atau lencana yang telah hilang atau rosak.
16. Bayaran.

JADUAL – BAYARAN

**AKTA PENDAFTARAN JURURAWAT
(PENGAL 140)**

PERATURAN-PERATURAN PENDAFTARAN JURURAWAT, 2014

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh bab 4 dari Akta Pendaftaran Jururawat, maka Menteri Kesihatan, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan ini membuat Peraturan-Peraturan yang berikut —

Gelaran dan permulaan kuat kuasa.

1. Peraturan-Peraturan ini boleh digelar sebagai Peraturan-Peraturan Pendaftaran Jururawat, 2014 dan hendaklah mula berjalan kuat kuasanya pada 1hb Mac 2014.

Tafsiran.

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain —

“Pendaftar” bermakna Pendaftar Jururawat yang disebut dalam bab 2B.

Kelayakan pendaftaran.

3. Tiada sesiapa pun boleh didaftarkan dalam Daftar melainkan jika —

(a) dia memegang suatu sijil untuk menunjukkan bahawa dia telah menjalani latihan di institusi-institusi sebagaimana yang mungkin dibenarkan oleh Lembaga dan bagi tempoh sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Lembaga; atau

(b) dia telah lulus peperiksaan-peperiksaan sebagaimana yang mungkin dijalankan oleh Lembaga menurut peraturan 14.

Permohonan pendaftaran.

4. (1) Mana-mana orang yang berhajat untuk didaftarkan dalam Daftar hendaklah memohon kepada Lembaga dalam borang dan disertakan dengan dokumen-dokumen dan butir-butir, sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Lembaga.

(2) Setelah berpuas hati dengan permohonan itu dan setelah bayaran yang ditetapkan dalam Jadual dibuat, Lembaga hendaklah mengarahkan Pendaftar untuk memasukkan nama pemohon itu dalam Daftar.

Keengganan untuk mendaftarkan.

5. (1) Lembaga hendaklah mengarahkan Pendaftar untuk tidak memasukkan dalam Daftar nama mana-mana pemohon yang —

(a) telah disabitkan atas sebarang kesalahan yang pada pendapat Lembaga menyebabkannya tidak layak didaftarkan;

(b) selepas siasatan yang sewajarnya dijalankan oleh Lembaga, telah didapati oleh Lembaga bersalah kerana berkelakuan keji dalam sebarang hal profesional atau pun selainnya tidak mempunyai perangai dan reputasi baik; atau

(c) pada pendapat Lembaga, tidak dapat menjalankan kewajipan-kewajipan seorang jururawat dengan berkesan di Negara Brunei Darussalam.

(2) Apa-apa arahan tidak boleh diberikan di bawah peraturan kecil (1) melainkan jika Lembaga telah memberikan kepada pemohon suatu notis secara bertulis mengenai niatnya untuk berbuat demikian dan suatu peluang untuk didengar sama ada sendiri atau melalui peguam.

(3) Suatu arahan di bawah peraturan kecil (1) tidaklah berkuat kuasa sehingga tamat tempoh 30 hari dari tarikh arahan itu disampaikan kepada pemohon secara bertulis atau, jika suatu rayuan terhadap arahan itu telah dibuat di bawah bab 6(1), sehingga rayuan itu telah diputuskan atau ditarik balik.

Pengeluaran Sijil Pendaftaran.

6. (1) Jika seseorang itu meminta supaya namanya dimasukkan dalam Daftar menurut peraturan 4(2), Lembaga hendaklah mengarahkan Pendaftar untuk mengeluarkan kepadanya suatu Sijil Pendaftaran dan suatu lencana, dalam borang dan tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang mungkin ditentukan olehnya.

(2) Apa-apa syarat yang disebut dalam peraturan kecil (1) hendaklah dicatitkan dalam Sijil Pendaftaran itu.

Catatan kelulusan tinggi.

7. Mana-mana jururawat berdaftar yang telah memperolehi sebarang kelulusan tinggi dalam kejururawatan dari kelulusan yang berkaitan dengannya dia telah didaftarkan adalah berhak meminta supaya kelulusan tinggi itu dimasukkan dalam Daftar bagi menggantikan atau sebagai tambahan kepada kelulusan yang telah didaftarkan dahulunya.

Sijil menjalankan amalan.

8. (1) Seseorang jururawat berdaftar yang berhasrat hendak mendapatkan suatu sijil menjalankan amalan hendaklah memohon kepada Lembaga dalam borang dan mengikut cara sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Lembaga.

(2) Permohonan yang disebut dalam peraturan kecil (1) hendaklah disertakan dengan bayaran yang ditetapkan dalam Jadual.

(3) Suatu sijil menjalankan amalan adalah sah bagi tempoh sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Lembaga.

(4) Suatu permohonan untuk memperbaharui suatu sijil menjalankan amalan hendaklah dibuat tidak lewat dari 30 hari sebelum tamat tempoh sijil menjalankan amalan itu dan hendaklah dibuat dalam borang dan mengikut cara sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Lembaga.

(5) Seseorang jururawat berdaftar yang memohon suatu sijil menjalankan amalan lewat dari 30 hari sebelum tamat tempoh sijil menjalankan amalan itu adalah bertanggungjawab untuk membuat bayaran permohonan lewat sebagaimana yang mungkin ditetapkan dalam Jadual kepada Lembaga.

(6) Lembaga boleh enggan —

(a) mengeluarkan suatu sijil menjalankan amalan kepada seseorang jururawat berdaftar; atau

(b) memperbaharui sijil menjalankan amalan seseorang jururawat berdaftar,

jika jururawat berdaftar itu gagal mematuhi apa-apa syarat yang mungkin dikenakan sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Lembaga.

(7) Jika seseorang jururawat berdaftar meminta supaya namanya dikeluarkan dari Daftar atas sebarang alasan yang dinyatakan dalam peraturan 11 atau digantung di bawah peraturan 12, dia hendaklah menyerahkan balik sijil menjalankan amalannya kepada Lembaga dalam masa 14 hari dari pengeluaran namanya itu dari Daftar dan sijil menjalankan amalannya hendaklah dibatalkan.

(8) Mana-mana orang yang gagal mematuhi peraturan kecil (7) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$500.

Permit sementara untuk menjalankan amalan.

9. (1) Dengan tidak menghiraukan sebarang apa pun yang bertentangan dalam Peraturan-Peraturan ini, Lembaga boleh, atas permohonan secara bertulis,

mengeluarkan kepada mana-mana orang yang merupakan seorang jururawat berdaftar di luar Negara Brunei Darussalam, suatu permit sementara untuk menjalankan amalan di Negara Brunei Darussalam sebagai seorang jururawat tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang mungkin dinyatakan dalam permit tersebut oleh Lembaga bagi suatu tempoh tidak melebihi dari satu tahun, dan permit tersebut tidak boleh diperbaharui selepas tamat tempohnya.

(2) Pemegang suatu permit sementara untuk menjalankan amalan, selagi permit itu masih berkuat kuasa tertakluk kepada syarat-syarat di dalamnya, hendaklah dianggap bagi maksud-maksud Akta itu, sebagai didaftarkan.

(3) Lembaga boleh, pada bila-bila masa, membatalkan sebarang permit sementara untuk menjalankan amalan yang dikeluarkan di bawah peraturan kecil (1) tanpa memberikan sebarang sebabnya dan permit itu hendaklah selepas itu terhenti daripada berkuat kuasa.

Perubahan dalam Daftar.

10. (1) Sebarang perubahan nama, alamat dan apa-apa butir lain bagi mana-mana jururawat berdaftar hendaklah diberitahu olehnya dalam masa 14 hari dari perubahan tersebut kepada Pendaftar, yang akan selepas itu meminda Daftar dengan sewajarnya.

(2) Jika sebarang perubahan tersebut menyentuh apa-apa butir yang telah dicetak dalam suatu sijil, sijil tersebut hendaklah disertakan dengan notis yang disebut dalam peraturan kecil (1), untuk diserahkan balik kepada Lembaga bagi pembatalan dan setelah bayaran yang ditetapkan dalam Jadual dibuat, Lembaga hendaklah, dengan seberapa segera yang boleh, mengeluarkan suatu sijil gantian.

(3) Dalam peraturan ini, “sijil” bermakna suatu Sijil Pendaftaran dan suatu sijil menjalankan amalan.

Pengeluaran nama dari Daftar.

11. (1) Lembaga boleh mengarahkan Pendaftar untuk mengeluarkan nama mana-mana jururawat dari Daftar jika —

(a) dia telah mati;

(b) dia tidak lagi menjalankan amalan;

(c) pada pendapat Lembaga, pendaftarannya telah diperolehi dengan penipuan atau salah nyata;

(d) dia telah didaftarkan kerana kesilapan tentang kelayakannya bagi pendaftaran;

(e) kelayakannya bagi pendaftaran telah ditarik balik, digantung atau dibatalkan oleh pihak berkuasa yang melaluinya kelayakan itu diperolehi atau pihak berkuasa yang menganugerahkan kelayakan itu;

(f) dia telah disabitkan atas suatu kesalahan yang pada pendapat Lembaga menyebabkannya dia tidak layak dikekalkan dalam Daftar;

(g) dia telah didapati bersalah kerana sebarang salah laku atau kecuaiian yang pada pendapat Lembaga menyebabkannya tidak layak dikekalkan dalam Daftar;

(h) dia menderita tidak sihat yang pada pendapat Lembaga akan menyebabkannya tidak layak melaksanakan tugas-tugas seorang jururawat secara tetap.

(2) Apa-apa arahan tidak boleh diberikan di bawah peraturan kecil (1), selain dari menurut perenggan (a), melainkan jika Lembaga telah memberikan kepada jururawat itu suatu notis secara bertulis mengenai niatnya untuk berbuat demikian dan suatu peluang untuk didengar sama ada sendiri atau melalui peguam.

(3) Suatu arahan di bawah peraturan kecil (1), selain dari menurut perenggan (a), tidaklah berkuat kuasa sehingga tamat tempoh 14 hari dari tarikh arahan itu disampaikan kepada jururawat itu secara bertulis atau, jika suatu rayuan terhadap arahan itu telah dibuat di bawah bab 6(1), sehingga rayuan itu telah diputuskan atau ditarik balik.

(4) Apa-apa arahan di bawah peraturan kecil (1) mempunyai kesan untuk membatalkan Sijil Pendaftaran dari tarikh arahan tersebut berkuat kuasa.

(5) Mana-mana orang yang namanya diarahkan untuk dikeluarkan dari Daftar di bawah peraturan kecil (1) hendaklah, dalam masa 14 hari dari arahan itu diberikan, menyerahkan balik Sijil Pendaftaran kepada Lembaga, dan jika dia gagal berbuat demikian, adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$500.

Penggantungan pendaftaran.

12. Lembaga boleh, sebagai ganti memberi suatu arahan kepada Pendaftar untuk mengeluarkan nama seseorang jururawat dari Daftar di bawah peraturan 11(1), menggantung pendaftaran jururawat itu bagi suatu tempoh tidak melebihi dari 12 bulan dan suatu catitan hendaklah dibuat dengan sewajarnya oleh Pendaftar bersetentangan dengan nama jururawat itu dalam Daftar.

Memasukkan semula nama ke dalam Daftar.

13. Lembaga boleh memasukkan semula ke dalam Daftar nama mana-mana jururawat yang dikeluarkan darinya, selain dari di bawah perenggan-perenggan (a), (c) dan (d) peraturan 11(1), tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Lembaga, atas permohonan dalam borang dan setelah bayaran yang ditetapkan dalam Jadual dibuat.

Peperiksaan.

14. Lembaga boleh menjalankan peperiksaan-peperiksaan sebagaimana yang difikirkannya perlu untuk membolehkan orang-orang sebagai layak didaftarkan.

Penggantian sijil atau lencana yang telah hilang atau rosak.

15. (1) Jika terbukti sehingga memuaskan hati Lembaga bahawa suatu sijil atau suatu lencana telah hilang, musnah atau cacat atau rosak sehingga tidak dapat dibaca, maka Lembaga boleh, selepas menerima suatu permohonan dalam borang sebagaimana yang mungkin ditentukan olehnya dan setelah bayaran yang ditetapkan dalam Jadual dibuat, mengeluarkan suatu sijil gantian atau suatu lencana gantian, mengikut mana yang berkenaan, kepada pemohon, dan sijil gantian yang dikeluarkan itu hendaklah mempunyai kesan yang sama dengan sijil asal.

(2) Jika pada bila-bila masa selepas mengeluarkan suatu sijil gantian atau suatu lencana gantian, mengikut mana yang berkenaan, sijil asal atau lencana asal dijumpai, orang yang kepadanya sijil asal atau lencana asal itu dikeluarkan hendaklah mengembalikan sijil asal atau lencana asal itu kepada Lembaga dengan serta-merta.

(3) Dalam peraturan ini, "sijil" bermakna suatu Sijil Pendaftaran dan suatu sijil menjalankan amalan.

Bayaran.

16. Bayaran yang dinyatakan dalam Jadual hendaklah dibuat berkaitan dengan perkara-perkara yang disebut dalam bayaran itu.

JADUAL	peraturan-peraturan 4(2), 8(2), 8(5), 10(2), 13, 15(1) dan 16
BAYARAN	
Bayaran pendaftaran	\$75
Sijil menjalankan amalan	\$25 setahun
Bayaran kerana lambat memperbaharui sijil menjalankan amalan:	
(a) 30 hari atau lebih	\$10
(b) 60 hari atau lebih	\$12 dan \$2 bagi setiap hari yang berikutnya selama mana keingkaran itu berterusan
Penggantian Sijil Pendaftaran	\$25
Penggantian sijil menjalankan amalan	\$25
Lencana gantian	\$25
Sijil pengesahan pendaftaran bagi maksud- maksud pendaftaran di luar Negara Brunei Darussalam	\$20
Surat menjalankan amalan dengan baik	\$50

Diperbuat pada hari ini 10 haribulan Jamadilakhir, Tahun Hijrah 1435
bersamaan dengan 10 haribulan April, 2014.

PEHIN ORANG KAYA JOHAN PAHLAWAN DATO SERI SETIA
AWANG HAJI ADANAN BIN BEGAWAN PEHIN SIRAJA KHATIB
DATO SERI SETIA AWANG HAJI MOHD. YUSOF,
Menteri Kesihatan,
Negara Brunei Darussalam.